

27/09/2003

Laporan minggu depan

BACHOK: Laporan siasatan kejadian bekalan elektrik terputus di lima negeri awal bulan ini, sudah siap dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu depan.

Sehubungan itu, Pengerusinya, Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata laporan itu kini diteliti Ahli Lembaga Pengarah bebas yang dibentuk Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Katanya, laporan itu juga akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

"Sekarang ini penelitian terhadap hasil siasatan itu berada di peringkat akhir dan hanya menunggu laporan lengkap yang dibuat Ahli Lembaga Pengarah bebas saja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Bank Simpanan Nasional (BSN) Prihatin peringkat Kelantan, di Sekolah Kebangsaan Pak Badol, dekat sini, semalam.